

21/06/2002

Presiden parti periksa perbarisan

PERHIMPUNAN Agung Umno 2002 bermula dengan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerima tabik hormat daripada perbarisan 56 anggota Briged Putera, 56 anggota Briged Wanita dan 56 anggota Puteri Umno di Dataran Pusat Dagangan Dunia Putra, semalam.

Perdana Menteri diiringi Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob. Dr Mahathir kemudian memeriksa perbarisan yang diketuai Kapten (B) Suznan Saad daripada Briged Putera.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Hussein, Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz dan Ketua Penaja Puteri, Azalina Othman Said mengiringi Dr Mahathir ketika pemeriksaan perbarisan berkenaan.

Dr Mahathir seterusnya menaikkan bendera Umno sambil diiringi nyanyian lagu Umno yang dipersembahkan bersama-sama oleh kumpulan koir pelajar pelbagai sekolah.

Pada masa yang sama dua paraglider yang membawa perkataan 'Umno Perjuangan Sebuah Bangsa' dan bendera Umno berlegar di ruang udara.

Selesai majlis di dataran itu, Dr Mahathir merasmikan perhimpunan dengan menyampaikan ucapan dasar di Dewan Merdeka.

Majlis perasmian itu turut dihadiri pemimpin parti komponen Barisan Nasional, 45 wakil dari parti yang diundang dari 18 negara serta perwakilan asing.

Perhimpunan yang dihadiri 2,033 perwakilan itu akan berlangsung sehingga Sabtu ini. Umno yang berusia 56 tahun kini mempunyai kira-kira tiga juta anggota.

(END)